



Majlis Bicara Karya Baha Zain di Dewan Bahasa dan Pustaka, baru-baru ini.

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN /BH]

Cerpen Baha Zain menyengat

» Ada pemikiran besar, sama seperti esei kritikan

Oleh Nazmi Yaakub

nazmi@mediaprima.com.my

Tidak ramai yang mengetahui Sasterawan Negara (SN) Datuk (Dr) Baharuddin Zainal atau lebih dikenali sebagai Baha Zain bukan saja hebat dalam dunia puisi dan esei, bahkan tidak kurang menyengat dalam genre cerpen kerana beliau menulis menggunakan nama pena, Anton Zakuan.

Pendedahan itu dibuat pada Majlis Bicara Karya Baha Zain di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini, sekali gus membuka ufuk penelitian terhadap pengkaryaan SN Ke-12 dalam genre terbabit seperti diramalkan salah seorang ahli panel bicara.

Pemikiran besar

Pegawai Perancang Bahasa DBP, Dr Mohd Hanafi Ibrahim, mengkaji cerpen Baha dan mengabsahkan ia mengandungi pemikiran besar

seperti ditulis dalam kumpulan esainya.

“Beliau menghasilkan lima cerpen yang memiliki pemikiran besar, tetapi kurang diperhatikan kerana mungkin tidak ramai yang menyedari kerana penggunaan nama penanya itu. Cerpen *Malam Yang Melemparkan* pernah memenangi Hadiah Karya Sastera 1971 yang menekankan bagaimana integriti penulis dipertahankan,” katanya pada forum yang dipengerusikan Penolong Editor *Mingguan Malaysia*, Ku Seman Ku Hus-sain.

Dalam cerpen itu, Dr Mohd Hanafi berkata, Baha mempertahankan sikapnya yang idealis secara tegar untuk menegaskan prinsip kesenimananan yang tulen dan diolah dalam bentuk wacana pemikiran.

“Baha Zain menemui sikap dan peranan yang jelas dalam seni yang perlu ditangani oleh sasterawan melalui pertembungan idea oleh watak dalam cerpen itu. Menariknya, cerpen kedua Baha, *Bagai Angin Di Pantai: Akrab Dan Asing*, diterbitkan pada 1980, iaitu sela waktu yang cukup panjang selepas *Malam Yang Melemparkan*,” katanya pada forum yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengelola DBP, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dan Timbalan Ketua Pe-



Ahli panel Majlis Bicara Karya Baha Zain (dari kiri) Mohamad Shaidan, Dr Shamsudin, Ku Seman dan Dr Mohd Hanafi.

ngarah DBP, Dr Zaharani Ahmad.

Beliau berkata, sikap dan pendirian pengarang terhadap kesenian disoroti dengan sudut pandang lintas budaya antara protagonis dalam kalangan seniman pelbagai negara yang menghadiri seminar.

“Dalam cerpen ini, pengarang menyatakan protesnya terhadap institusi pelaksana dasar secara alegori menyamakan mereka dengan nasib penyui yang bertelur, tetapi akhirnya dirampas manusia.

“Cerpen ketiga pula berlatar pengalaman ketika berada di luar negara apabila Baha melihat demokrasi di Amerika Syarikat (AS) yang menarik untuk diterokai kerana ia menggunakan perspektif warganegara ketika berada di luar negara,” katanya pada acara yang turut menampilkan ucapnama daripada SN Ke-6, Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh.

Lingkaran kuasa

Dr Mohd Hanafi berkata, cerpen *Aku dan YB* yang agak kontemporari juga mengangkat persoalan lingkaran kuasa yang melingkungi seseorang tokoh, tetapi Baha tidak melihat sisi negatif kepada tokoh berkenaan.

“Baha sebaliknya mengangap mereka yang merosakkan institusi politik sebenarnya ialah manusia yang berada di sekeliling tokoh politik. Orang yang berkepentingan sebenarnya yang kadangkala merosakkan imej pemimpin, sekali gus beliau melihat aspek keikhlasan dan ketulusan dalam perjuangan,” katanya.

Beliau berkata, pemikiran yang terkandung dalam cerpen dan esainya bertepatan dengan status Baha yang tergolong dalam intelektual yang muncul selepas kemerdekaan, iaitu pada dekad 1960-an yang menyaksikan Tanah Melayu dan Malaysia mengalami kepesatan pembangunan yang awalnya dibawa oleh Barat.

“Beliau memberi perhatian khusus pada dekad berkenaan khususnya pergolakan yang teretus daripada akta yang mencabar bahasa Melayu dan juga masyarakat tani termasuk di Telok Gong yang dinafikan hak mendapatkan tanah.

“Pada awal kemunculannya, nama Baha kurang disedari oleh peneliti meskipun beliau sudah pun menulis sejak 1960-an lagi tetapi pada 1967, apabila penentangan berkaitan bahasa Melayu dan Telok Gong teretus, namanya muncul bersama-sama angkatan rakan pengarangnya,” katanya.

Beliau berkata, sejak itu Baha tidak menoleh ke belakang, sebaliknya terus memperjuangkan bahasa Melayu termasuk pandangan dan gagasan beliau terhadap bahasa Melayu yang dinafikan dalam dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

“Kita juga mendengar suara Baha yang lantang dan ilmiah dalam mempertahankan novel *Interlok* karya Sasterawan Negara (SN) Datuk Abdullah Hussin.

“Pendirian Baha juga dapat dibaca dalam kumpulan esainya,



Prof Emeritus Muhammad Salleh

menyampaikan ucapnama pada Majlis Bicara Karya Baha Zain.

Peranan Penulis dalam Negara Membangun, sekali gus menjadi bukti pembabitannya dalam pembinaan negara,” katanya.

Seniman rakyat

Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman, berkata Baha bergerak sebagai seniman yang merakyat di jalanan dengan nada yang halus pengucapannya, tetapi protes yang tegas.

“Baha juga menyuarakan idea membina dalam usaha memper-

tingkatkan martabat persuratan Melayu yang menjadi teras kesu-sasteraan kebangsaan.

“Dalam banyak memorandum kepada pemerintah, Baha begitu praktikal dan konsisten menyampaikan gagasannya sehingga ideanya banyak diguna pakai oleh kerajaan termasuk desakan memansuhkan PPSMI dan rebat kepada royalti penulis buku dalam cukai pendapatan,” katanya pada forum yang turut menampilkan Pegawai Perancang Bahasa DBP, Mohamad Shahidan.



“
Dalam banyak memorandum kepada pemerintah, Baha begitu praktikal dan konsisten menyampaikan gagasannya sehingga ideanya banyak diguna pakai oleh kerajaan termasuk desakan memansuhkan PPSMI dan rebat kepada royalti penulis buku dalam cukai pendapatan”

Dr Shamsudin Othman
Pensyarah Kanan UPM



“
Beliau menghasilkan lima cerpen yang memiliki pemikiran besar, tetapi kurang diperhatikan mungkin kerana penggunaan nama penanya. Cerpen Malam Yang Melemparkan pernah memenangi Hadiah Karya Sastera 1971 yang menekankan bagaimana integriti penulis dipertahankan”

Dr Mohd Hanafi Ibrahim
Pegawai Perancang Bahasa DBP